

# Sektor halal eratkan hubungan Malaysia-China

*kosmo 21/05/2010 MIS 54*

Oleh SHAWKATH AZDE  
shawkath.azde@kosmo.com.my

**KUALA LUMPUR** – Kira-kira 600 tahun lalu, Laksamana Cheng Ho atau nama Islamnya, Laksamana Mohd. Cheng Ho dari Negara China telah mengunjungi Melaka sebanyak tujuh kali dengan satu tujuan iaitu perdagangan.

Seh itu berulang kembali apabila China kini muncul sebagai antara rakan dagang utama Malaysia dengan

catatan jumlah dagangan pada tahun lalu sebanyak RM127.9 bilion.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Mukhriz Tun Mahathir berkata, hubungan perdagangan antara kedua-dua negara itu kini makin disemarakkan melalui sektor halal yang kini menjadi industri utama di pasaran antarabangsa.

"China yang memiliki lebih daripada 20 juta penduduk muslim berupaya menjadi ra-

kan sekutu Malaysia untuk membangunkan sektor halal barangan dan perkhidmatan.

"Ini kerana Malaysia memiliki organisasi yang berkemahiran dalam melaksanakan aktiviti promosi dan membangunkan sektor tersebut," katanya pada majlis pelancaran Pameran dan Forum Perdagangan Dunia China Muslim 2010 (WCME 2010) di sini semalam.

Turut hadir pada majlis itu ialah pengasas Country Heights Holding Bhd., Tan Sri

Lee Kim Yew; Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia, Datuk Mustapha Ma; Pengerusi Konsultasi Persidangan Politik Bandar Yinc-huan di China, Hong Mei Xiang dan Naib Pengerusi Dunia Melayu Dunia Islam, Datuk Dr. Mohd. Jamil Mukmin.

Pameran WCME 2010 yang berlangsung selama tiga hari sejak semalam di The Mines Resort City, Seri Kembangan, Selangor itu menampilkan kebudayaan China Muslim,

kesenian Islam, makanan halal, tekstil pakaian dan pelbagai lagi produk dan perkhidmatan.

Acara sulung itu telah dianjurkan oleh Mines International Exhibition Centre, Cheng Ho Multi Culture Education Trust, Dunia Melayu Dunia Islam dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Mengulas lanjut, Mukhriz berkata, Malaysia menerusi Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC) telah

membangunkan pelan induk untuk menjadi halal hab global termasuk aspek pemprosesan, pengeluaran dan perkhidmatan.

"Dengan ini, kami berharap lebih banyak syarikat China di sini akan mengambil peluang tersebut untuk menjalin kerjasama strategik bagi mempromosi dan pembangunan sektor halal," jelasnya.

Malaysia merupakan rakan dagang kelima terbesar China selepas Jepun, Korea, Hong Kong dan Taiwan.